

KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

PROLINTAS INFRA BT MULAKAN 2024 KUKUH, CATAT PENDAPATAN SUKU PERTAMA RM76.5 JUTA, DI LANDASAN TEPAT CAPAI UNJURAN TAHUNAN

Kuala Lumpur, 24 Mei 2024 – Prolintas Infra Business Trust (“Prolintas Infra BT” atau “Amanah”) telah mencapai 99% pendapatan yang diunjurkan untuk suku pertama berakhir 31 Mac 2024 (“S1TK2024”), dengan merekodkan jumlah pendapatan RM76.5 juta.

Prestasi pendapatan yang kukuh itu disebabkan terutamanya oleh peningkatan jumlah trafik keseluruhan. Setakat S1TK2024, Amanah itu merekodkan pendapatan kutipan tol berjumlah RM75.4 juta bersamaan 99% daripada keseluruhan pendapatan diunjurkan, sementara aliran pendapatan bukan tol pelbagai menyumbang sejumlah RM0.4 juta.

Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang (“SILK”) mencatatkan kutipan tertinggi menyumbang 45% (RM33.8 juta) kepada jumlah kutipan tol, diikuti Lebuhraya Koridor Guthrie (“GCE”) yang menyumbang 29% (RM21.9 juta); manakala Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (“LKSA”) dan Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (“AKLEH”) masing-masing menyumbang 14% (RM10.8 juta), dan 12% (RM8.8 juta) pada suku berkenaan.

Amanah itu merekodkan RM41.5 juta keuntungan daripada operasi pada S1TK2024, selepas mengambil kira kesemua perbelanjaan operasi. Keuntungan selepas cukai (“PAT”) Kumpulan Amanah itu pula adalah RM2.1 juta, melebihi sasaran untuk suku itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Prolintas Managers Sdn Bhd - Pengurus Pemegang Amanah Prolintas Infra BT, Malik Parvez Ahmad Nazir Ahmad, memberikan unjuran positif bagi prospek Amanah itu bergerak ke hadapan.

“Prestasi pendapatan menunjukkan bahawa Amanah ini berada pada landasan tepat selari polisi agihannya bagi mencapai jumlah agihan RM16.7 juta setakat S1TK2024. Kami bermatlamat untuk mengagihkan sekurang-kurangnya 90% daripada pendapatan boleh agih kepada pemegang unit secara tahunan,” katanya.

Prolintas Infra BT ialah amanah perniagaan Islamik pertama disenaraikan di Bursa Malaysia yang merangkumi empat lebuhraya iaitu AKLEH, GCE, LKSA, dan SILK. Prolintas Infra BT bersedia untuk menawarkan pemegang unitnya dengan pegangan unik bagi agihan mampan yang ditunjangi oleh kestabilan jangka panjang lebuhrayanya yang terletak dalam kawasan trafik tinggi dan padat penduduk di Lembah Klang.



-Tamat-

PROLINTAS INFRA BT

Pada 25 Mac 2024, empat lebuhraya di bawah Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (PROLINTAS) telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad menerusi amanah perniagaan dikenali sebagai Prolintas Infra Business Trust (Prolintas Infra BT).

Amanah perniagaan Islamik pertama di Malaysia, Prolintas Infra BT merangkumi Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH), Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA) dan Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang (SILK), yang semuanya adalah tulang belakang pembangunan negara dengan menambah baik kesalinghubungan di bandar pesat membangun dan komuniti di sekitar Lembah Klang.

Prolintas Infra BT diuruskan oleh Prolintas Managers Sdn. Bhd. sebagai Pengurus Pemegang Amanah dengan objektif utamanya bagi menyediakan pemegang saham dengan agihan yang stabil.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di:

Prolintas Infra Business Trust: www.prolintasinfra.com.my

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Prolintas Managers Sdn. Bhd.
Perhubungan Pelabur & Kewangan Korporat
Latif Ibrahim
Tel: +6016-262 4763
Email: latif@prolintasmanagers.com.my

Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd.
Ketua Divisyen Komunikasi Korporat
Badri Ibrahim
Tel: +6019-349 3300
Email: badri@prolintas.com.my

Esente Advisory Sdn. Bhd.
Emily Kou
Tel: +603 64199501 /+ 6014-735 3066
Email: emilykou@esente.com.my
